



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Oktober 2024
01 Rabiulakhir 1446H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian Online	• Lima nelayan Myanmar ditahan dengan lebih 2 tan hasil laut
Harian Metro	• Guna khidmat warga asing tangkap ikan
Kosmo !	•
Sinar Harian Online	• Lima nelayan Myanmar ditahan Bersama 2,300 kg hasil laut
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	• APMM tahan enam warga Myanmar kendali bot nelayan tempatan
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS KIDAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		8	4.10.2024	



BOT nelayan tempatan yang ditahan di perairan Kuala Tembeling, Kuantan.

Guna khidmat warga asing tangkap ikan

Kuantan: Guna khidmat pendatang asing tanpa izin warga Myanmar untuk menangkap ikan di perairan negara.

Kegiatan itu berjaya di-kesan selepas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C kerana disyaki melanggar syarat sah lesen di tenggara perairan Kuala Tembeling, di sini, semalam.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, bot itu ditahan ketika pihaknya menjalankan rondaan Op Makmur.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati, bot itu dikendalikan lima warga Myanmar termasuk tekong berusia antara 28 dan 40 tahun.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati bot itu me-

langgar syarat sah lesen Akta Perikanan 1985 kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah iaitu menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kes juga akan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ketika diperiksa.

"Lima nelayan dan bot yang ditahan dibawa ke Jeti Pernepa Kuantan Slipway bersama peralatan menangkap ikan serta hasil laut dianggarkan sebanyak 2.3 tan," katanya.

Susulan kes itu, beliau berkata, pihaknya mengingatkan komuniti maritim terutama nelayan di perairan Pahang supaya tidak terbabit sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.

APMM TAHAN ENAM WARGA MYANMAR KENDALI BOT NELAYAN TEMPATAN



KUALA TERENGGANU, 3 Okt (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan enam warga Myanmar yang mengendalikan sebuah bot nelayan tempatan di lokasi 24 batu nautika Timur Laut Muara Kuala Kemaman, semalam.

Pengarah Maritim Terengganu Kepten Maritim Mohd Khairulnuar Abd Majid berkata bot nelayan itu ditahan pada 2 petang ketika rondaan pihaknya dalam siri Op IMAN di perairan Kuala Kemaman.

"Setelah diperiksa, enam orang kru termasuk tekong warga Myanmar disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Bot nelayan terbabit tidak mempunyai dokumen Kebenaran Menggunakan Warga Asing daripada Ketua Pengarah Perikanan dan dua daripada mereka tidak memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata jika sabit kesalahan, kru bot dan tekong boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-keduanya atas kesalahan di bawah Akta Perikanan manakala bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen, mereka boleh didenda RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-keduanya.

"APMM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar Undang-Undang Laut Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Lima nelayan Myanmar ditahan dengan lebih 2 tan hasil laut



KUANTAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pahang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C kerana disyaki melanggar syarat sah lesen pada kedudukan 1.2 batu nautika dari tenggara perairan Kuala Tembeling, di sini semalam.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab, berkata bot terbabit ditahan kira-kira jam 9 pagi ketika pihaknya sedang menjalankan rondaan Op Makmur.

Katanya, pemeriksaan awal terhadap bot yang sedang bersauh itu mendapati ia dikendalikan lima warga Myanmar, termasuk tekong berusia antara 28 dan 40 tahun.

"Hasil pemeriksaan lanjut, bot itu disyaki melanggar syarat sah lesen Akta Perikanan 1985 kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah iaitu menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kes juga akan disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ketika diperiksa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mazlan berkata, bot berkenaan kemudian diarah masuk ke Jeti Pernepa Kuantan Slipway bersama peralatan menangkap ikan serta hasil laut dianggarkan 2,300 kilogram untuk tindakan lanjut.

Lima nelayan Myanmar ditahan bersama 2,300 kg hasil laut



KUANTAN - Lima nelayan warga Myanmar ditahan manakala 2,300 kilogram hasil laut turut dirampas di kedudukan 1.2 batu nautika dari tenggara perairan Kuala Tembeling kira-kira jam 9 pagi Rabu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pahang, Laksamana Pertama Maritim Mazlan Mat Rejab berkata, kesemua mereka yang ditahan berusia antara 28 hingga 40 tahun disyaki melanggar syarat sah lesen ketika pihaknya menjalankan rondaan Op Makmur dan Preventive SAR yang sedang bersauh di perairan itu.

"Pemeriksaan awal mendapati, vesel nelayan tempatan Kelas C dikendalikan oleh lima kru wargan Myanmar termasuk tekong."Vesel itu disyaki melanggar syarat sah lesen Akta Perikanan 1985 kerana tidak mempunyai permit kerja yang sah iaitu menggajikan pekerja warga asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia, hasil pemeriksaan lanjut,"katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau memaklumkan kes akan disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sewaktu diperiksa.

"Vesel dan kesemua kru termasuk tekong telah ditahan dan diiring masuk ke Jeti Pernepa Kuantan Slipway bersama peralatan menangkap ikan dan hasil laut diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Mazlan berkata, pihaknya mengingatkan komuniti maritim terutamanya nelayan di perairan Pahang khasnya supaya menjauhi sebarang aktiviti jenayah.

"Kita tidak akan berkompromi terhadap pelanggaran yang menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan," tegasnya.